

09 MAY 2002
IPTA-Kemasukan
32,752 LEPASAN STPM DAN SETARAF DITAWARKAN KE IPTA

KUALA LUMPUR, 9 Mei (Bernama) -- Seramai 32,752 pelajar lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan yang setaraf, ditawarkan tempat di 17 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bagi sesi akademik 2002/2003.

Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi Prof Dr Hassan Said berkata daripada jumlah itu seramai 22,557 atau 68.9 peratus adalah Bumiputera, 8,665 (26.4) Cina dan 1,530 (4.7) India, yang berjaya dalam pemilihan berasaskan merit.

Mereka adalah daripada 46,878 pelajar Bumiputera yang memohon, 13,489 Cina dan 3,961 India.

Seramai 14,331 calon Bumiputera dipilih bagi kursus Sains iaitu 68.6 peratus daripada yang memohon, Cina 5,753 (68.9) dan India (41.8) manakala aliran sastera seramai 8,226 pelajar Bumiputera ditawarkan iaitu daripada 31.7 peratus yang memohon, 2,912 Cina (56.8) dan 845 India (36.4).

Beliau memberikan butiran itu pada sidang media mengenai keputusan pemilihan kemasukan ke IPTA untuk lepasan Sijil Pelajaran Malaysia/Setaraf dan STPM/Setaraf bagi sesi akademik 2002/2003 di sini hari ini.

Bagi pemohon SPM/setaraf untuk 42 program ijazah pertama di Universiti Teknologi Malaysia bagi sesi yang sama, mereka yang berjaya mendapat tempat ialah seramai 2,690 orang iaitu 1,272 calon Bumiputera, 1,207 calon Cina dan 211 calon India.

Dr Hassan berkata mereka yang dipilih adalah daripada seramai 86,879 Bumiputera yang layak daripada 111,990 yang memohon, 11,009 pelajar Cina yang layak daripada 11,576 yang memohon dan 3,388 pelajar India daripada 4,066 yang memohon.

"Memandangkan bilangan yang layak adalah ramai berbanding dengan tempat yang disediakan, maka persaingan yang amat sengit berlaku di kalangan pemohon semua kaum," katanya.

Calon yang menepati syarat layak, sekurang-kurangnya mendapat kredit dalam Bahasa Melayu dan layak berdasarkan kursus yang dipohon.

"Pengurangan program peringkat ijazah pertama untuk lepasan SPM dan setaraf adalah bersesuaian dengan amalan sejagat yang memerlukan pelajar menamatkan pendidikan 12 tahun sebelum memasuki program pada peringkat ijazah pertama," katanya.

Semua lepasan SPM/setaraf dan STPM/setaraf boleh membuat semakan keputusan permohonan mereka melalui UPU Infoline di talian 600-83-7890, Tele-UPU Celcom 600-85-2200 atau 600-85-2201, atau melalui perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) Celcom (70123), TimeCel (1777) dan Tm Touch (200013).

Dr Hassan berkata pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan daripada IPTA sebulan selepas tarikh pendaftaran IPTA berkenaan, permohonan mereka dianggap gagal.

Bagi pemohon yang ingin membuat rayuan boleh mengemukakan kepada IPTA yang berkenaan dan tarikh tutup rayuan ialah pada 20 Mei.

"Pihak IPTA akan memaklumkan kepada Jabatan Pendidikan Tinggi calon yang dipertimbangkan oleh mereka untuk pengemaskinian data agar tawaran berganda dapat dielakkan," katanya.

Beliau berkata pada tahun ini juga kementerian mengadakan tiga dasar baru dalam pemilihan pelajar lepasan SPM/setaraf dan STPM/setaraf iaitu dilakukan dengan menggunakan kaedah kemasukan berasaskan merit berbanding menggunakan sistem kuota mengikut kaum iaitu 55:35:10 bagi Melayu, Cina dan India.

Dr Hassan juga berkata selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan pemilihan kemasukan ke IPTA berasaskan merit, usaha yang

diberikan oleh pelajar Bumiputera menunjukkan peningkatan apabila lebih 68 peratus Bumiputera berjaya ke IPTA berbanding 55 peratus mengikut pembahagian kaum sebelum ini.

"Saya telah melihat perkembangan di kolej-kolej matrikulasi dan mendapati pencapaian mereka pada semester pertama dan kedua meningkat dengan begitu baik dan dengan amaran yang diberikan kepada mereka supaya lebih berdaya saing dan tumpukan kepada pelajaran telah menghasilkan suatu suasana persaingan yang sihat di antara kaum," katanya.

Kaedah pengiraan markah merit pada tahun ini juga tidak menggunakan markah ko-kurikulum iaitu sebanyak 10 markah seperti yang dilaksanakan dalam proses pemilihan terdahulu.

Beliau berkata markah ko-kurikulum akan digunapakai apabila calon mempunyai markah akademik yang sama.

Ini bagi mengelak daripada berlakunya kes-kes seperti tahun lepas iaitu calon mendapat markah akademik yang tinggi tetapi tidak berjaya ke IPTA kerana markah ko-kurikulum tidak tinggi, katanya.

Selain itu, calon yang memohon juga mempunyai lapan pilihan kursus berbanding lima pilihan pada tahun terdahulu.

-- BERNAMA

NJ AHH RON